

PERIBAHASA

PERIBAHASA (LATIHAN 1)

ARAHAN : Pilih peribahasa yang membawa maksud sama dengan frasa/klausa yang bergaris bawah **atau** sebaliknya dalam setiap item yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

1. Borhan yang degil itu tidak mahu mendengar nasihat ibu bapanya.
 (1) berat sebelah (2) keras hati
 (3) murah hati (4) tolak ansur ()

2. Cik Mariam berasa bangga melihat anaknya yang rajin membuat kerja di rumahnya.
 (1) ada bakat (2) ada hati
 (3) besar hati (4) ringan tulang ()

3. Haji Zainal berperangai mulia dan mempunyai peribadi yang baik .
 (1) baik budi (2) besar hati
 (3) lurus akal (4) murah hati ()

4. Setelah gagal di sini beberapa kali, Halim mencari penghidupan baru di Kuala Lumpur.
 (1) ada jalan (2) cari jalan
 (3) membawa nasib (4) tolak ansur ()

5. Cikgu Hendon selalu menasihati murid-muridnya agar menumpukan perhatian dengan sepenuh hati kepada pelajaran.
 (1) ambil berat (2) ambil hati
 (3) berat sebelah (4) cari jalan ()

6. Encik Harun dan isterinya **berasa bangga dan gembira** terhadap kejayaan anak mereka yang telah lulus dengan cemerlang.
- | | | |
|----------------|----------------|----------|
| (1) ada hati | (2) besar hati | |
| (3) keras hati | (4) murah hati | () |
7. Saya enggan **masuk campur** dalam pergaduhan antara Roslan dengan Samat.
- | | | |
|------------------|-------------------|----------|
| (1) ambil berat | (2) campur tangan | |
| (3) ringan mulut | (4) ringan tulang | () |
8. Raihan mempunyai ramai kawan kerana dia **jujur** serta berbudi bahasa.
- | | | |
|----------------|----------------|----------|
| (1) baik budi | (2) besar hati | |
| (3) lurus akal | (4) murah hati | () |
9. Kamrudin yang **muka tembok** itu selalu memuji dirinya sendiri.
- | | | |
|-------------------------|--|----------|
| (1) tidak tahu malu | | |
| (2) tidak mahu belajar | | |
| (3) tidak dengar cakap | | |
| (4) tidak suka menolong | | () |
10. Saya dinasihati agar **berhati-hati semasa bercakap** di hadapan dengan orang-orang yang lebih tua.
- | | | |
|-----------------|------------------|----------|
| (1) ambil berat | (2) baik budi | |
| (3) jaga mulut | (4) ringan mulut | () |
11. Setelan berbincang, kumpulan kami **memiliki idea** untuk menyelesaikan kerja projek itu.
- | | | |
|-----------------|-------------------|----------|
| (1) ada akal | (2) ada bakat | |
| (3) ambil berat | (4) campur tangan | () |

12. Ketua darjah kami menjadi pendamai antara dua pihak untuk menyelesaikan pergaduhan antara Fendi dan Ahmad.
- | | | |
|-------------------|-------------------|---------|
| (1) berat sebelah | (2) campur tangan | |
| (3) orang tengah | (4) tolak ansur | () |
13. Mak Limah yang berusia 60 tahun itu pemurah, baik hati dan peramah.
- | | | |
|----------------|------------------|---------|
| (1) baik budi | (2) besar hati | |
| (3) murah hati | (4) ringan mulut | () |
14. Ramlah rajin dan sangat pandai itu mempunyai ramai kawan di sekolahnya.
- | | | |
|-------------------|-----------------|---------|
| (1) hidung tinggi | (2) muka tembok | |
| (3) ringan tangan | (4) tajam akal | () |
15. Hamid yang tempang itu akan berasa kecewa dan tersinggung apabila kawan-kawannya mengejek-ngejeknya.
- | | | |
|-------------------|----------------|---------|
| (1) ambil berat | (2) ambil hati | |
| (3) berat sebelah | (4) cari jalan | () |

PERIBAHASA (LATIHAN 2)

ARAHAN : Pilih peribahasa yang membawa maksud sama dengan frasa/klausa yang bergaris bawah **atau** sebaliknya dalam setiap item yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

1. Haji Salam yang bersikap suka bersefahaman dan bertimbang rasa dihormati oleh jiran-jirannya.

(1) berat sebelah	(2) keras hati	
(3) murah hati	(4) tolak ansur	()

2. Sejak di sekolah rendah, Ramli telah menunjukkan dia berkebolehan menjadi seorang pelukis yang baik.

(1) ada bakat	(2) ada hati	
(3) besar hati	(4) ringan tulang	()

3. Ibu bapa kami tidak pernah berat sebelah terhadap kami adik-beradik.

(1) tidak adil	(2) tidak cekap	
(3) tidak malu	(4) tidak sihat	()

4. Kami tidak mahu bercampur atau berbual dengan jiran kami yang hidung tinggi itu.

(1) orang yang lokek		
(2) orang yang malas		
(3) orang yang cacat		
(4) orang yang sombong		()

5. Ibu dan ayahnya berasa besar hati melihat Zainab rajin membantu membuat kerja rumah di samping belajar setiap hari.

(1) bangga	(2) bongkak	
(3) puas	(4) sombong	()

6. Raihan yang malas lagi **degil** itu tidak pedulikan nasihat-nasihat guru-gurunya.
- | | | |
|-------------------|----------------|----------|
| (1) berat sebelah | (2) keras hati | |
| (3) murah hati | (4) hati emas | () |
7. Ayah dan ibu saya mengumpulkan wang mereka kerana mereka **mempunyai keinginan** untuk pergi ke Mekah.
- | | | |
|----------------|-------------------|----------|
| (1) ada bakat | (2) ada hati | |
| (3) besar hati | (4) ringan tulang | () |
8. Setiap Ibu bapa akan berasa **bangga dan gembira** jika anak-anak mereka lulus PSLE dengan cemerlang.
- | | | |
|----------------|----------------|----------|
| (1) besar hati | (2) keras hati | |
| (3) lurus akal | (4) murah hati | () |
9. Rupa Cikgu Kasmin bengis lagi garang tetapi dia **berhati emas** dan selalu mengajar murid-muridnya bersungguh-sungguh.
- | | | |
|----------------------|--|----------|
| (1) sangat rajin | | |
| (2) sangat kaya | | |
| (3) sangat tampan | | |
| (4) sangat baik hati | | () |
10. Kita mesti **berikhtiar** dengan sabar untuk mengatasi segala rintangan atau masalah.
- | | | |
|-------------------|----------------|----------|
| (1) ambil berat | (2) ambil hati | |
| (3) berat sebelah | (4) cari jalan | () |
11. Sebagai adik-beradik, kita mesti mempunyai sikap **bersefahaman** antara satu sama lain.
- | | | |
|-------------------|-----------------|----------|
| (1) berat sebelah | (2) keras hati | |
| (3) murah hati | (4) tolak ansur | () |

12. Pak Haji Ramlan dihormati orang kerana **berhati mulia dan baik peribadinya**.
- | | | |
|----------------|------------------|----------|
| (1) ada hati | (2) baik budi | |
| (3) besar hati | (4) ringan mulut | () |
13. Sejak berumur lima tahun, Jane sudah **ada bakat** menjadi seorang pemain piano.
- | | | |
|------------------|----------------|----------|
| (1) berkebolehan | (2) digalakkan | |
| (3) dijadikan | (4) mahukan | () |
14. Kartina yang pandai serta berbudi bahasa itu menjadi **anak emas** guru-gurunya di sekolah.
- | | | |
|----------------------------------|--|----------|
| (1) orang yang sangat disegani | | |
| (2) orang yang sangat disayangi | | |
| (3) orang yang sangat dihormati | | |
| (4) orang yang sangat dimanjakan | | () |
15. Walaupun kawan-kawannya menceritakan kisah ayahnya yang berada di dalam penjara itu, Budin tidak akan **ambil hati**.
- | | | |
|--|--|----------|
| (1) suka kerana perbuatan seseorang | | |
| (2) marah kerana perbuatan seseorang | | |
| (3) kecewa kerana perbuatan seseorang | | |
| (4) gembira kerana perbuatan seseorang | | () |

PERIBAHASA (LATIHAN 3)

ARAHAN : Pilih peribahasa yang membawa maksud sama dengan frasa/klausa yang bergaris bawah **atau** sebaliknya dalam setiap item yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

1. Walaupun dilarang oleh ibu bapanya, Hassan tetap keras hati dan bermain bola di kolong bloknya.

(1) sangat degil	
(2) banyak cakap	
(3) cakap bohong	
(4) tidak suka berkawan	()

2. Encik Nordin dan isterinya memberi perhatian penuh tentang pendidikan anak tunggal mereka itu.

(1) ambil berat	(2) berat sebelah
(3) campur tangan	(4) jalan tengah
	()

3. Ismadi tidak mahu masuk campur dengan rancangan kawannya untuk mencuri barang di pasar mini NTUC.

(1) ada akal	(2) cari jalan
(3) jalan tengah	(4) lepas tangan
	()

4. Saya terlupa untuk membawa barang yang dibawa sebagai hadiah semasa melawat Rafi di hospital.

(1) buah tangan	(2) jaga mulut
(3) murah hati	(4) tanda mata
	()

5. Walaupun Hani cerdik, ibu bapanya masih dapatkan seorang guru tuisyen untuk membimbingnya.

(1) ambil hati	(2) campur tangan
(3) muka tembok	(4) tajam akal
	()

6. Setelah berfikir panjang, saya **ada idea** untuk selesaikan soalan matematik itu.
- (1) ada akal (2) ada bakat
(3) ada hati (4) ada jalan ()
7. Encik Samsul sentiasa **memberi perhatian** tentang pergaulan dan aktiviti-aktiviti anak lelaki itu.
- (1) ambil berat (2) ambil hati
(3) berat sebelah (4) besar hati ()
8. Haji Shakir yang **tidak lokek dan suka memberi** selalu menderma kepada badan-badan kebajikan.
- (1) anak emas (2) hati emas
(3) hidung tinggi (4) murah hati ()
9. Guru-guru akan berasa senang mengajar murid-murid di kelas 4 Mawar itu kerana murid-muridnya **cepat menerima pelajaran**.
- (1) baik budi (2) lurus akal
(3) ringan tulang (4) tajam akal ()
10. Pengetua sekolah saya menjadi **pendamai antara dua pihak** untuk menyelesaikan pertengaran antara dua orang pembersih sekolah itu.
- (1) jaga mulut (2) lepas tangan
(3) orang tengah (3) tolak ansur ()
11. Puan Timah **enggan ambil bahagian** jika jiran-jirannya bertengkar atau berkelahi.
- (1) ambil berat (2) berat sebelah
(3) campur tangan (4) lepas tangan ()

12. Penyokong-penyokong pasukan Sembawang tidak puas hati kerana pengadil perlawanan bola sepak itu **tidak adil**.
- | | | |
|----------------|-------------------|----------|
| (1) ada bakat | (2) berat sebelah | |
| (3) lurus akal | (4) ringan tulang | () |
13. Walaupun gadis yang diganggunya itu memakinya, pemuda yang **tidak tahu malu** itu tersenyum sahaja.
- | | | |
|-------------------|-----------------|----------|
| (1) besar hati | (2) hati batu | |
| (3) hidung tinggi | (4) muka tembok | () |
14. Ramai orang suka berbual dengan Nek Jah yang **peramah** itu.
- | | | |
|------------------|-------------------|----------|
| (1) baik budi | (2) besar hati | |
| (3) ringan mulut | (4) ringan tulang | () |
15. Walaupun Haji Bakhil kedekut, isterinya **suka memberi bantuan** kepada pengemis-pengemis di luar masjid itu.
- | | | |
|-----------------|----------------|----------|
| (1) ambil berat | (2) ambil hati | |
| (3) buah tangan | (4) murah hati | () |

PERIBAHASA (LATIHAN 4)

ARAHAN : Pilih peribahasa yang membawa maksud sama dengan frasa/klausa yang bergaris bawah **atau** sebaliknya dalam setiap item yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

1. Kami sekeluarga terpaksa **ikat perut** kerana ayah saya telah diberhentikan kerja dua bulan lalu.
 (1) makan sedikit sahaja
 (2) enggan makan kerana merajuk
 (3) kurangkan makan kerana berjimat
 (4) makan banyak kerana terlalu lapar ()

2. Adik saya yang baru berusia dua tahun itu menjadi **orang yang sangat disayangi** oleh ibu bapa kami.
 (1) anak emas (2) hati emas
 (3) murah hati (4) orang tengah ()

3. Walaupun Mak Tijah seorang peramah, dia tahu **berhati-hati semasa bercakap**.
 (1) besar hati (2) jaga mulut
 (3) lurus akal (4) tajam akal ()

4. Sufian dan abangnya hendak **mengambil bahagian** dalam rancangan Zaki untuk merompak kedai runcit itu.
 (1) ambil hati (2) berat sebelah
 (3) campur tangan (4) lepas tangan ()

5. Arif yang bercita-cita tinggi itu **pergi mencari penghidupan ke tempat lain** kerana dia kecewa di sini.
 (1) cari jalan (2) ikat perut
 (3) membawa nasib (4) ringan mulut ()

6. Puan Tijah berasa senang hati melihat pembantu rumahnya yang baru itu **sangat rajin bekerja**.
- | | | |
|-------------------|-------------------|----------|
| (1) campur tangan | (2) lepas tangan | |
| (3) murah hati | (4) ringan tulang | () |
7. Kami berkongsi untuk membelikan guru kami yang akan bersara itu **hadiah yang diberikan sebagai kenangan**.
- | | | |
|------------------|----------------|----------|
| (1) buah tangan | (2) murah hati | |
| (3) orang tengah | (4) tanda mata | () |
8. Encik Karim **berikhtiar** untuk menjelaskan hutang-piutangnya yang belum dijelaskan itu.
- | | | |
|----------------|------------------|----------|
| (1) ada akal | (2) ada bakat | |
| (3) cari jalan | (4) lepas tangan | () |
9. Walaupun dia cacat dan berkerusi roda sejak kecil, Mahani seorang pelajar yang **cerdik**.
- | | | |
|----------------|----------------|----------|
| (1) ada jalan | (2) cari jalan | |
| (3) lurus akal | (4) tajam akal | () |
10. Saya berasa **bangga dan gembira** kerana telah lulus peperiksaan akhir itu dengan cemerlang.
- | | | |
|---------------|----------------|----------|
| (1) baik budi | (2) besar hati | |
| (3) hati emas | (4) murah hati | () |
11. Cikgu Darni terpaksa menjadi **pendamai antara dua pihak** apabila Razak dan Bani bergaduh di dalam kelasnya.
- | | | |
|------------------|-------------------|----------|
| (1) ambil berat | (2) berat sebelah | |
| (3) jalan tengah | (4) orang tengah | () |

12. Ramai pengguna jalan raya tidak memberi perhatian terhadap undang-undang jalan raya.
- | | | |
|-------------------|-----------------|----------|
| (1) ada bakat | (2) ambil berat | |
| (3) berat sebelah | (4) keras hati | () |
13. Siti yang bersikap jujur itu serahkan dompet yang dijumpainya itu kepada kerani di pejabat sekolahnya.
- | | | |
|----------------|----------------|----------|
| (1) anak emas | (2) besar hati | |
| (3) lurus akal | (4) murah hati | () |
14. Dari kecil lagi, saya sudah ada hati untuk menjadi seorang pegawai polis.
- | | | |
|-------------------|--|----------|
| (1) ada galakan | | |
| (2) ada peluang | | |
| (3) ada kebolehan | | |
| (4) ada kemahuan | | () |
15. Belia-belie yang berfoya-foya dan tidak tahu malu di pusat membeli-belah itu suka ganggu gadis-gadis di situ.
- | | | |
|----------------|-------------------|----------|
| (1) besar hati | (2) hidung tinggi | |
| (3) keras hati | (4) muka tembok | () |

PERIBAHASA (LATIHAN 5)

ARAHAN : Pilih peribahasa yang membawa maksud sama dengan frasa/klausa yang bergaris bawah **atau** sebaliknya dalam setiap item yang berikut. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di dalam kurungan () yang disediakan.

- 1 Ramli tidak mahu ambil tahu dalam pergaduhan antara dua orang kawan baiknya.
 (1) ada jalan (2) cari jalan
 (3) lepas tangan (4) ringan tulang ()

- 2 Setiap ahli dalam kumpulan itu mesti bersefahaman semasa menyelesaikan kerja projek mereka itu.
 (1) campur tangan (2) ringan tulang
 (3) tajam akal (4) tolak ansur ()

- 3 Encik Tan akan membawa nasib ke Australia setelah dia diberhentikan kerja di sini.
 (1) mencari pekerjaan yang baru
 (2) mencari tempat yang lebih selamat
 (3) mencari penghidupan di tempat lain
 (4) mencari pekerjaan yang bergaji besar ()

- 4 Walaupun sesuatu pekerjaan itu berat dan susah, tentu mempunyai cara untuk melakukannya.
 (1) ada akal (2) ada jalan
 (3) cari jalan (4) lepas tangan ()

- 5 Pengurus syarikat itu berpuas hati dengan pekerja-pekerjanya yang rajin bekerja.
 (1) angkat tangan (2) campur tangan
 (3) panjang tangan (4) ringan tulang ()

- 6 Encik Karim melarang anak-anaknya bergaul dengan anak-anak jirannya yang **hidung tinggi** itu.
- (1) degil (2) lokek
(3) malas (4) sombong ()
- 7 Masturah pandai, rajin belajar serta suka membantu kawan-kawan dan gurunya tetapi dia **keras hati**.
- (1) orang yang malu
(2) orang yang sombong
(3) orang yang sangat degil
(4) orang yang lekas menjadi marah ()
- 8 Puan Sarimah yang **berhati emas** itu mengambil dua orang adik-beradik yatim piatu itu sebagai anak-anak angkatnya.
- (1) sangat rajin
(2) sangat kaya
(3) sangat pandai
(4) sangat baik hati ()
- 9 Saya hendak beli **buah tangan** untuk kawan saya yang sedang dirawat di hospital.
- (1) barang yang diberi sebagai upah
(2) barang yang bawa dari luar negeri
(3) barang yang dibawa sebagai hadiah
(4) barang yang akan dijadikan perhiasan ()
- 10 Walaupun miskin, Pak Abu seorang yang **baik budi**.
- (1) berasa bangga
(2) berperangai mulia
(3) orang yang sangat disayangi
(4) suka dengar cakap orang lain ()

- 11 Cik Fatimah mengambil jalan tengah untuk selesaikan sengketa antara anak-anaknya itu.
- (1) tidak mahu mengambil tahu
 - (2) tidak memihak kepada sesiapa
 - (3) meninggalkan tempat itu dengan cepat
 - (4) menggalakkan orang lain untuk selesaikan ()
- 12 Abu yang keras hati itu tidak pedulikan larangan ayahnya dan selalu pulang hingga lewat malam.
- (1) orang yang malu
 - (2) orang yang sombong
 - (3) orang yang sangat degil
 - (4) orang yang lekas menjadi marah ()
- 13 Lina yang berhati emas itu mempunyai ramai kawan di sekolahnya.
- (1) sangat rajin
 - (2) sangat kaya
 - (3) sangat pandai
 - (4) sangat baik hati ()
- 14 Ramai penduduk di blok saya itu tidak suka bergaul dengan Pak Haji Riduan yang hidung tinggi itu.
- (1) degil
 - (2) lokek
 - (3) malas
 - (4) sombong ()
- 15 Kita mesti berikhtiar mengatasi masalah untuk menyelesaikan sesuatu kerja betapa susah atau berat.
- (1) ada jalan
 - (2) cari jalan
 - (3) lepas tangan
 - (4) ringan tulang ()